

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Baru-baru ini Utusan Melayu (Malaysia) Bhd telah mencadangkan terbitan hak bertujuan menjana RM40 juta untuk menangani situasi kedudukan kewangannya.

Setakat tarikh pengumuman, pemegang saham majoriti memegang 49.8% saham syarikat. Sekiranya terbitan hak tersebut tidak dilanggan sepenuhnya oleh pemegang-pemegang saham yang lain, ia boleh mengakibatkan pemegang saham utama memiliki lebih kurang 67.2% pegangan di dalam syarikat, seterusnya perlu melaksanakan tawaran am mandatori (MGO) bagi baki saham yang belum dimiliki. Oleh kerana pemegang saham utama tidak berhasrat untuk melaksanakan MGO, pengecualian perlu dipohon daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC) di mana peruntukan perundangan dalam kes-kes tertentu membenarkan SC memberi pengecualian tersebut. Ia juga tertakluk kepada kelulusan daripada para pemegang saham lain yang tidak berkepentingan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM).

Perkara ini telah dibawa ke perhatian kami bahawa terdapat pihak yang tertanya-tanya samada layanan khas diberi untuk pengecualian tersebut. Dalam konteks ini pada pandangan kami, pengecualian SC bukanlah sesuatu yang luar biasa dan pernah diberikan sebelum ini dalam kes-kes tertentu. Oleh yang demikian, SC perlu meneliti kes ini dan bergantung kepada budi bicara pihak berkuasa samada membenarkan pengecualian tersebut.

Menyentuh perkembangan luar negara pula, Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat telah memuktamadkan perjanjian penyelesaian dengan JP Morgan Chase sebanyak AS\$13 bilion. Ini merupakan penyelesaian terbesar yang pernah dicapai di antara mana-mana syarikat dengan Kerajaan. Pihak kawalselia amat serius mengenai isu tersebut dan telah menghantar mesej bahawa tiada mana-mana pihak yang boleh mengatasi undang-undang dan pematuhannya adalah terutama sekali .

Dalam hal berasingan, peningkatan taraf Malaysia daripada stabil kepada positif oleh agensi penarafan Moody adalah berita yang menggalakkan. Peningkatan pandangan tersebut dibuat bersandarkan konsolidasi fiskal dan langkah pembaharuan yang dilaksanakan serta kestabilan makroekonomi yang berterusan.

Salam,

Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN MODAL

Langkah-Langkah untuk Mempromosikan Kemampanan Pasaran Hartanah

Pada 15 November 2013, Bank Negara Malaysia (“BNM”) telah mengeluarkan Pekeliling baru bertajuk “*Measures to Promote Sustainability of the Property Market*”(Langkah-Langkah untuk Mempromosikan Kemampanan Pasaran Hartanah). Pekeliling tersebut mengukuhkan sekatan terhadap skim tanggungan faedah (*interest capitalisation scheme*), termasuk Developer Interest Bearing Scheme (“DIBS”) bagi pembelian hartanah, dan telah memandatkan penggunaan “harga jualan bersih”, dan bukannya “harga jualan kasar” untuk menentukan nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value ratio*).

KOMEN MSWG:

Langkah-langkah baru yang diambil oleh BNM untuk menyatukan semua garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini mengenai sekatan terhadap pinjaman hartanah serta larangan terkini mengenai penggunaan DIBS untuk menghalang pelabur daripada melakukan pinjaman berlebihan dalam pelaburan hartanah adalah untuk memastikan kemampanan jangka panjang pasaran hartanah dan juga untuk mengawal selia pemaju hartanah supaya telus mengenai harga hartanah. Kami percaya ini adalah baik untuk masa hadapan untuk membendung spekulasi berlebihan dan gelembung harga iaitu kenaikan harga secara mendadak di dalam sektor hartanah.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

PADIBERAS NASIONAL BERHAD (“BERNAS”)

Pada 6 November 2013, Lembaga Pengarah Bernas telah mengumumkan bahawa Perspective Lane (M) Sdn Bhd, Kelana Ventures Sdn Bhd, Seaport Terminal (Johore) Sdn Bhd dan Acara Kreatif Sdn Bhd (dirujuk secara kolektif sebagai “Pemberi Tawaran Bersama”) telah melalui surat bertarikh 6 November 2013 meminta Lembaga Pengarah Bernas supaya mempertimbangkan penarikan balik penyenaian Bernas daripada Papan Utama Bursa Securities secara sukarela (“Cadangan Penarikan Balik Penyenaian”).

Menurut satu pengumuman lain oleh Lembaga Pengarah pada 13 November 2013, tahap pegangan saham pihak awam adalah kira-kira 16.31%, mewakili 76,695,837 saham biasa Bernas.

Bernas telah melantik Maybank Investment Bank Berhad sebagai Penasihat Utama bagi Cadangan Penarikan Balik Penyenaian tersebut. Kenanga Investment Bank Berhad pula dilantik sebagai Penasihat Bebas untuk menasihati dan memberikan pandangan serta syor untuk dipertimbangkan oleh para pemegang saham Bernas berkenaan cadangan tersebut, termasuklah samada tawaran tersebut adalah adil dan munasabah.

KOMEN MSWG:

Cadangan penarikan balik penyenaian BERNAS secara sukarela bermakna salah satu daripada sumber makanan ruji utama negara ini tidak akan lagi berada di bawah penelitian pihak awam.

MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD (“MAS”)

MAS telah mengumumkan keputusan suku ketiganya pada 18 November 2013. Walaupun terdapat peningkatan perolehan sebanyak 12.4% dan kedudukan EBIDTA yang positif sebanyak RM52.4 juta, syarikat penerbangan negara tersebut mencatatkan kerugian sebanyak RM375.4 juta, menunjukkan kemerosotan yang ketara berbanding keuntungan sebanyak RM37.1 juta yang dicatatkan di dalam suku yang sama pada tahun lepas. Sehingga suku ketiga tahun kewangan 2013 (FY2013), kerugian terkumpul MAS terus melebar kepada RM0.8 bilion.

Menurut pengumuman tersebut, sebab utama peningkatan kerugian tersebut adalah kenaikan 16% di dalam perbelanjaan operasi pada suku ketiga FY2013 berikutan kos bahan api dan lain-lain kos bukan bahan api yang lebih tinggi, yang telah meningkat selari dengan penambahan kapasiti dan nilai matawang Ringgit yang lemah berbanding Dolar Amerika. Selain itu, kos pengiklanan dan promosi juga telah meningkat untuk menghadapi persaingan tempatan yang sengit daripada AirAsia dan Malindo Air. Walaubagaimanapun, MAS masih mempunyai jumlah tunai yang besar sebanyak RM5.4 bilion daripada aktiviti penjanaaan dana baru-baru ini.

KOMEN MSWG:

Walaupun terdapat peningkatan perolehan operasi sebanyak 13% berbanding suku yang sama pada tahun lepas yang telah disumbangkan oleh faktor peningkatan jumlah penumpang dan strategi persaingan harga, MAS perlu menangani isu kos operasi yang lebih tinggi bagi jangka masa panjang untuk memastikan kemampuan prestasinya melangkah ke hadapan. Dengan penggunaan pesawat-pesawat baru, pengembangan rangkaian dan destinasi baru serta perkongsian antarabangsa dengan syarikat penerbangan asing, MAS perlu melonjakkan perolehan dan pendapatannya untuk menanggung caj-caj kewangan yang agak besar dan susutnilai bagi perbelanjaan modal. Walaupun MAS mempunyai jumlah tunai sebanyak RM5.4 bilion yang diperolehi daripada penjanaaan dana baru-baru ini, ianya akan merosot dalam hanya beberapa tahun yang akan datang sekiranya MAS terus mencatatkan prestasi yang tidak memberangsangkan.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.
Ketua Pegawai Eksekutif MSWG mempunyai pegangan saham minima di dalam MAS.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.